

# Sektor penerbangan antara industri terawal terkesan akibat konflik

Lonjakan harga minyak beri tekanan kepada margin, dorong pelarasan operasi

Oleh Nurhanim Osman  
nurhanim.osman@bh.com.my

**Kuala Lumpur:** Sektor logistik khususnya penerbangan menjadi antara industri terawal terkesan dalam aspek pekerjaan dan operasi, sekiranya konflik Asia Barat berlanjutan.

Pengarah dan Penganalisis Strategi Pelaburan dan Ekonomi IPPFA Sdn Bhd, Mohd Sedek Jantan, berkata sektor penerbangan paling terdedah memandangkan kos bahan api ialah komponen terbesar dalam struktur kos operasi.

“Lonjakan harga minyak akan memberi tekanan terus kepada margin dan mendorong pelarasan operasi, termasuk pengurangan kapasiti atau tenaga kerja.

“Kesan ini kemudian akan merebak ke subsektor logistik lain seperti perkapalan dan pengangkutan darat, memandangkan ke-

seluruhan rantaian bekalan bergantung kepada kos tenaga dan aliran perdagangan global.

“Dalam tempoh lebih panjang, sektor pembuatan berorientasi eksport akan menjadi paling terdedah kerana permintaan global yang lemah menjejaskan tempahan baharu dan kadar penggunaan kapasiti,” katanya kepada *BH*, semalam.

Presiden Bank Dunia, Ajay Banga, dilapor memberi amaran krisis pengangguran di negara membangun akibat perang di Asia Barat, iaitu kekurangan peluang pekerjaan bagi kira-kira 1.2 bilion individu yang akan memasuki usia bekerja di negara membangun dalam tempoh 10 hingga 15 tahun akan datang.

Mohd Sedek berkata, amaran itu dilihat berasas, namun kesannya terhadap Malaysia dijangka lebih bersifat tidak langsung.

“Konflik di Asia Barat bukan saja memberi kesan kepada negara terbabit, malah turut mempengaruhi ekonomi global melalui saluran perdagangan dan sentimen pasaran.

“Petunjuk awal yang perlu diberi perhatian ialah prestasi ekonomi Asia, khususnya China melalui data seperti jualan runcit dan aktiviti sektor pembuatan.

“Kelembapan di China lazim-



Sektor penerbangan paling terdedah kerana kos bahan api komponen terbesar dalam struktur kos operasi. (Foto hiasan)

nya akan merebak ke seluruh rantau, sekali gus menjejaskan momentum perdagangan serantau.

“Pada peringkat tempatan, indikator seperti Indeks Pengurus Pembelian (PMI), nilai jualan borong dan runcit serta Indeks Pengeluaran Perindustrian (IPI) boleh memberi gambaran awal mengenai arah aliran ekonomi Malaysia,” katanya.

## Risiko terhadap pekerjaan

Mohd Sedek berkata, risiko terhadap pekerjaan tidak berlaku secara mendadak, sebaliknya melalui pelarasan berperingkat merentasi sektor paling sensitif

kepada kos tenaga dan permintaan global.

Sementara itu Pensyarah Kanan di Sekolah Perniagaan dan Ekonomi, Universiti Putra Malaysia (UPM), Dr Chakrin Utit, berkata sektor pembuatan berorientasi eksport khususnya industri elektrik dan elektronik (E&E) turut berisiko terjejas.

Katanya, penurunan permintaan luar akan menyebabkan pengeluaran dikurangkan.

“Syarikat mungkin menghadkan pengambilan pekerja baharu, mengurangkan waktu kerja atau lebih teruk, mengurangkan tenaga kerja sedia ada,” katanya.

Beliau berkata, sektor logistik dan pengangkutan turut berdepan risiko tinggi kerana bergantung secara langsung kepada harga minyak, dengan peningkatan kos bahan api memaksa syarikat menyusun semula operasi dan berpotensi mengurangkan tenaga kerja.

Katanya, perusahaan mikro, kecil dan sederhana (PMKS) paling mudah terjejas berikutan margin keuntungan kecil dan sumber kewangan terhad, manakala sektor pelancongan turut terkesan apabila penurunan jumlah pelancong memberi kesan kepada keseluruhan rantaian perkhidmatan.